

# PERBEZAAN DI ANTARA KENDIRI SEBENAR DAN KENDIRI IDEAL (PART 10)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

## 3.1 Kendiri Kreatif

*Alfred Adler (1870-1937)* berpendapat bahawa tidak mencukupi sekiranya tingkah laku manusia hanya berlandaskan pembelajaran melalui rangsangan dan tindak balas semata-mata. Dengan hanya memegang konsep penerimaan diri sahaja tidaklah memadai untuk menghasilkan kendiri yang lebih hebat.

Manusia hanyalah kelihatan sebagai penerima yang pasif yang tidak berupaya bertindak ke atas persekitaran realitinya jika hanya berpegang kepada Kendiri Sebenar sahaja.

Seseorang perlu ideal dengan penggunaan konsep kendiri kreatif yang menekankan bahawa manusia mencipta personaliti mereka sendiri dengan membinanya secara aktif melalui pengalaman dan melalui generasi terdahulu. Setelah itu, dia akan bertanggungjawab terhadap jalan kehidupan dengan perkaitan diri yang dipilih.

Kreativiti yang diperlukan adalah kreativiti tentang bagaimana seseorang membentuk kesesuaian diri terhadap realiti alam sekeliling atau keperluan semasa. Seseorang cuba menciptakan personaliti diri yang lebih unik dan lebih baik untuk menghasilkan kendiri yang lebih hebat tetapi meminimalkan percanggahan perancangan tersebut dengan personaliti yang sedia ada.

CONTINUE...